

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (82)

Tarikh : 16 Mac 2016

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "RAYU BANTU  
DAFTAR ANAK ANGKAT" BERTARIKH 16 MAC 2016, RABU – M.S: 35 (KELANTAN)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dikemukakan oleh Encik Nordin bin Awang berkenaan kegagalan permohonan lewat kelahiran anak angkat beliau.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik Nordin bin Awang telah mengemukakan permohonan Daftar Lewat Kelahiran untuk anak angkatnya iaitu Ashraf pada 2012 dan 2015. Walau bagaimanapun permohonan beliau telah ditolak kerana terdapat percanggahan fakta dan keraguan terhadap dokumen yang dikemukakan kepada JPN. Sehubungan dengan itu, beliau disarankan untuk mengemukakan permohonan baru berserta dokumen sokongan berkaitan fakta kelahirannya, bagi membolehkan permohonan Daftar Lewat Kelahiran Ashraf diproses.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' Sri KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)